



**Bangkuai (tengah)** menunjukkan produk teh berasaskan daun mulberi dihasilkan pasukan Enactus UMS pada sidang media di Kota Kinabalu, semalam.

# UMS pertaruh teh Mulberi Tudan

BH 18.8.2017 7

**Kota Kinabalu:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) bakal membawa produk penyelidikan berasaskan pokok mulberi ke pertandingan Piala Dunia Enactus 2017 yang bakal berlangsung di London pada 26 hingga 28 September depan.

UMS bakal diwakili 14 pelajar serta tiga pensyarah selaku penasihat, mempertaruhkan teh botol serta teh uncang Mulberi Tudan yang dihasilkan daripada daun pokok mulberi, diusahakan bersama penduduk Kampung Tudan di Kiulu, Tuaran.

Pengarah Pemasaran Perniagaan Tani UMS, Dr Bonaventure Bo-

niface, berkata pelajar terbabit dipilih daripada beberapa fakulti yang terbabit dalam projek penanaman mulberi di Kampung Tudan, selain menjalankan penyelidikan serta menghasilkan produk daripada pokok berkenaan.

## Produk mampu tarik perhatian

“Kami yakin produk unik ini mampu menarik perhatian masyarakat di luar, sekali gus mengharumkan nama negara serta UMS di mata dunia,” katanya pada sidang media Enactus UMS Bersama Pengurus Lembaga Pelancongan Sabah (STB), Datuk Joniston Bangkuai, di sini, semalam.

UMS terpilih mewakili negara ke pertandingan itu susulan kejayaan muncul juara Pertandingan Enactus Peringkat Kebangsaan, bulan lalu.

Piala Dunia Enactus adalah pertandingan serta pameran hasil keusahawanan dan inovasi yang dihasilkan kumpulan pelajar dari serata dunia, dengan setiap tahun kira-kira 3,500 peserta terpilih menyertainya.

Boniface berkata, setakat ini 1,500 batang pokok mulberi sudah ditanam di Kampung Tudan selepas pelaksanaan projek berkenaan yang dimulakan pada November 2016.